



KENYATAAN MEDIA

YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN

LAPORAN LAKSANA KE-36

PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)

14 Januari 2021



PENGENALAN

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh,

1. Diharapkan agar semua berada dalam keadaan sihat serta selamat ketika kita menangani peningkatan jangkitan wabak COVID-19, dan terutamanya di negeri-negeri yang masih dilanda banjir dan musim tengkujuh buat masa ini. Semoga semuanya dipermudahkan, InsyaAllah.

ULASAN PERKEMBANGAN TERKINI – PELAKSANAAN PKP, PKP-B DAN PKP-P SERTA PENGISYTIHARAN DARURAT

2. Saya ingin memulakan laporan ini dengan menjunjung titah Ke Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berkenaan darurat ekonomi dan kesihatan awam ("Ordinan Darurat") pada 12 Januari, serta pengumuman YAB Perdana Menteri pada 11 Januari tentang pelbagai bentuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (termasuk PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan) bagi membendung wabak COVID-19.
3. Kepada semua rakyat Malaysia dan para pelabur, sekali lagi saya ingin memberi jaminan bahawa **pelbagai sektor ekonomi dan ekosistem kewangan tetap dibuka, mengikut SOP yang ditetapkan**. Anda masih boleh pergi ke bank dan institusi kewangan bagi menguruskan simpanan dan pelaburan anda seperti biasa. Kerajaan dan agensi-agensi berkaitan akan memudahcara dan memastikan keadaan pasaran kekal kondusif dan teratur dalam tempoh tersebut. Dan saya jamin, bahawa ekosistem kewangan kita berdaya tahan dan mempunyai sistem pengurusan dan pengawalseliaan yang kukuh.

4. Dari segi perniagaan dan ekonomi pula, sektor pembuatan dan perkhidmatan penting juga masih dibenarkan beroperasi. Begitu juga dengan rantai bekalan sektor-sektor tersebut. Kerajaan sudah memberi jaminan bahawa bekalan perlu atau *essential* akan dipastikan mencukupi, supaya aktiviti ekonomi utama boleh terus berfungsi. **Bagi pengusaha kecil dan mikro, gerai-gerai juga masih boleh dibuka dan beroperasi dalam tempoh ini, walaupun dengan SOP yang lebih ketat**, contohnya pembeli hanya boleh membeli secara bungkus atau *takeaway*.
5. **Kita akan menjaga punca rezeki Rakyat sebaiknya.** Saya memahami bahawa keadaan yang kita hadapi adalah di luar jangkaan. Kerajaan telah berkali-kali membuktikan bahawa kita tidak akan berkompromi di dalam memastikan kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi.
6. Seterusnya, **laporan LAKSANA ke-36 ini** akan menyentuh status pelaksanaan PENJANA dan KITA PRIHATIN, dan diikuti dengan ulasan isu semasa. Manakala status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di laman sesawang Kementerian Kewangan.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

7. Di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat iaitu:
 - a. **Memperkasakan Rakyat;**
 - b. **Melonjakkan Perniagaan;** dan
 - c. **Merangsang Ekonomi.**

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

8. Kita terus ke Matlamat pertama iaitu **Memperkasakan Rakyat. Pertama, Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Setakat **1 Januari 2021**, seramai **128,779 pekerja** telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini (berbanding 128,778 pekerja pada minggu sebelumnya). Jumlah ini merangkumi **102,657 orang di bawah umur 40 tahun, 17,395 individu berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 7,382 perantis dan 1,345 orang kelainan upaya (OKU).** Senarai sektor yang paling banyak mengambil pekerja juga boleh didapati di laman Kementerian.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Pekerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
1 Januari 2021	102,657	17,395	7,382**	1,345	128,779
25 Disember 2020	102,623	17,394	7,417	1,344	128,778
27 November	72,505	11,370	5,808	1,247	90,930
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh pengkategorian semula permohonan yang dikenal pasti kepada inisiatif Belanjawan 2021 lantaran penyelarasan dan analisa lanjut.

Senarai 5 industri/ sektor pengambil pekerja tertinggi mengikut kategori

Bil.	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	Keseluruhan
1	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan
2	Perkhidmatan Lain	Pembuatan	Pembuatan	Perkhidmatan Lain	Perkhidmatan Lain
3	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal	Pembuatan	Perdagangan Borong dan Runcit; Pembaikan Kenderaan Bermotor dan Motosikal
4	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan	Penginapan & Perkhidmatan Makanan
5	Pendidikan	Pembinaan	Maklumat & Komunikasi	Pendidikan	Pembinaan

9. **Kedua, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Setakat **1 Januari**, seramai **133,936 individu telah diluluskan** untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan (berbanding 130,385 individu pada minggu sebelumnya). Antara kursus yang mendapat sambutan termasuk keusahawanan dan pendigitalan. Layari saja laman sesawang agensi Kerajaan yang dilampirkan untuk mendapatkan maklumat mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Bagi mereka yang sedang mencari pekerjaan terutamanya golongan belia, sambut tangan Kerajaan dan ambillah bahagian dalam program-program ini.

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)
		<i>Place & Train</i>
		Gerak Insan Gemilang (GIG)
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu

		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council (ECER)	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>
5.	Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Ekonomi Gig
		Program Keusahawanan

10. **Ketiga, subsidi pengangkutan awam MY30.** Setakat **1 Januari**, sebanyak **RM127.74 juta** telah disalurkan bagi langganan **751,414 pas bulanan pengangkutan awam tanpa had** bernilai RM30 ini, yang disediakan khusus untuk warganegara Malaysia (tiada peningkatan dari minggu sebelumnya). Seperti yang diumumkan di bawah Belanjawan 2021, **inisiatif ini dilanjutkan ke tahun 2021** bagi terus menggalakkan mobiliti dan mengurangkan beban kos pengangkutan awam untuk Rakyat.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

Saudara dan saudari sekalian,

11. Sekarang kita terus ke Matlamat kedua iaitu **Melonjakkan Perniagaan.**
12. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA.** Peruntukan Kerajaan sebanyak RM2 bilion di bawah program ini memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Setakat **1 Januari**, sebanyak **5,976 permohonan telah diluluskan** dengan **jumlah nilai pinjaman sebanyak RM1.149 bilion** (berbanding 5,764 permohonan dengan jumlah nilai pinjaman RM1.122 bilion pada minggu sebelumnya).

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
1 Januari 2021	5,976	1,149.1
25 Disember 2020	5,764	1,122.1
27 November	5,301	1,085.7
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah disebabkan oleh pengulangan permohonan yang dikenal pasti lantaran penyelarasan dan analisa lanjut.

13. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion** khusus bagi PKS dan PKS mikro di dalam sektor ini yang masih terkesan dengan COVID-19. Setakat **1 Januari**, terdapat **566 permohonan** bagi pembiayaan ini, dan daripada jumlah ini sebanyak **272 permohonan telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM54.8 juta** (berbanding 261 permohonan dengan nilai RM52.8 juta pada minggu sebelumnya).
14. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau TEKUN Business Recovery Scheme (TBRS)**, juga khas untuk PKS Mikro. Setakat **1 Januari**, sebanyak **RM99.9 juta** telah disalurkan di bawah skim ini dan memanfaatkan **14,946 PKS Mikro** (berbanding RM99.4 juta bagi 14,893 PKS Mikro pada minggu sebelumnya).

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
1 Januari 2021	14,946	99.9
25 Disember 2020	14,893	99.4
27 November	14,267	94.8
30 Oktober	11,972	79.7
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

15. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sehingga **1 Januari**, sebanyak **RM307.2 juta** telah disalurkan bagi memanfaatkan **8,936 PKS Mikro** termasuk dalam bidang peruncitan dan perkhidmatan (berbanding RM282.8 juta bagi 8,158 PKS mikro pada minggu sebelumnya).

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
1 Januari 2021	8,936	307.2
25 Disember 2020	8,158	282.8
27 November	6,492	227.5
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

16. **Kelima, Bumiputera Relief Financing (BRF)** yang telah diperkenalkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB). Bantuan dana khas RM200 juta ini disalurkan kepada PKS bumiputera yang terkesan oleh COVID-19, dengan pembiayaan **antara RM100,000 dan RM1 juta** bagi PKS terlibat. Setakat **1 Januari**, dana ini telah disalurkan kepada **356 PKS** melibatkan jumlah **RM94.2 juta** (berbanding 322 PKS dengan jumlah RM82.8 juta pada minggu sebelumnya).

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

Saudara dan saudari yang saya hormati,

17. Kita kupas matlamat ketiga PENJANA iaitu **Merangsang Ekonomi**.
18. **Pertama, pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi** yang juga merangkumi industri berasaskan minyak sawit, bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara. Setakat **1 Januari**, nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan ialah **sebanyak RM593.9 juta** (berbanding RM426.9 juta pada minggu sebelumnya).
19. **Kedua, pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel** untuk menyokong sektor pelancongan sehingga **30 Jun 2021**. Setakat **1 Januari**, nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah **nilai RM836.6 juta**. Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong, serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya.
20. **Ketiga, pelepasan cukai jualan bagi kenderaan penumpang**. Insentif cukai jualan ini merangkumi pelepasan 100% bagi kereta pemasangan tempatan (CKD) dan pengurangan 50% bagi model import sepenuhnya (CBU). Setakat **1 Januari**, nilai pelepasan cukai jualan yang telah dimanfaatkan adalah berjumlah **RM201.5 juta** (berbanding RM197.6 juta pada minggu sebelumnya). **Seperti yang dimaklumkan pada dua minggu lepas, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan insentif cukai ini sehingga 30 Jun 2021**, sebagai langkah untuk terus merancakkan sektor automotif dan aktiviti ekonomi negara.

KITA PRIHATIN (Kerangka Inisiatif Tambahan Khas PRIHATIN)

21. Saudara dan saudari sekalian, kita teruskan dengan inisiatif di bawah pakej KITA PRIHATIN.
22. **Pertama, bagi Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0)**, semalam saya telah pun memaklumkan bahawa **Fasa Kedua BPN 2.0** akan disalurkan seawal **21 Januari bagi penerima B40 dan 25 Januari bagi penerima M40**. Ini termasuk mereka yang telah lulus rayuan. Bagi mereka yang tiada akaun bank atau **yang gagal kredit, penunaian** boleh dilakukan di Bank Simpanan Nasional (BSN) seawal **25 Januari**. Secara keseluruhannya, **fasa kedua BPN 2.0 akan meletakkan RM2.38 bilion ke dalam tangan lebih 11.06 juta penerima**, merangkumi 5.82 juta penerima individu bujang serta 5.24 juta penerima isi rumah.

23. **Bagi penerima di Semenanjung Malaysia yang tiada akaun bank pula, bayaran secara tunai akan dibuat di BSN pada 25 Januari.** Bagi penerima di **Sabah dan Sarawak tanpa akaun bank, lokasi-lokasi pembayaran secara tunai akan diumumkan pada akhir bulan Januari**, dengan mengambil kira faktor-faktor logistik, keselamatan dan kesihatan awam. Kita akan pastikan proses penyampaian yang selamat dan sistematik, dan supaya bantuan ini sampai ke tangan penerima-penerima semua.
24. **Kedua, Geran Khas PRIHATIN 2.0 (GKP 2.0).** Proses semakan permohonan baru dan rayuan sedang melalui proses semak silang antara Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDNM) dan Pihak Berkuasa Tempatan, dan keputusan akan diumumkan dalam masa terdekat.
25. **Ketiga, Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0) di bawah pakej KITA PRIHATIN.** Setakat **1 Januari**, sejumlah **RM457.14 juta** telah disalurkan kepada **52,998 majikan** untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian bagi **445,255 pekerja** (berbanding RM418.67 juta bagi 51,022 majikan dan 420,193 pekerja pada minggu sebelumnya).

PSU 2.0

Tarikh Setakat	Jumlah Disalurkan* (RM juta)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
1 Januari 2021	457.14	445,255	52,998
25 Disember 2020	418.67	420,193	51,022
27 November	239.73	307,420	39,203
20 November	164.26	273,767	34,479

**Jumlah Kumulatif*

ULASAN ISU-ISU SEMASA

Saudara dan saudari yang saya hormati, izinkan saya memberi sedikit ulasan tentang beberapa isu semasa.

A. Kemudahan bantuan bayaran balik pinjaman bagi mangsa banjir

26. Buat masa ini, negara kita masih mengalami musim tengkujuh yang kini sudah melarat ke lebih banyak negeri termasuk Selangor, Pahang, Johor, Kelantan, Terengganu, Perak, serta Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan memastikan bantuan yang diperlukan sampai kepada mereka yang terkesan akibat bencana ini. Baru-baru ini juga, saya dimaklumkan bahawa beberapa bank telah bersetuju untuk memberikan bantuan pembayaran balik pinjaman bagi mangsa-mangsa banjir ini, termasuk lanjutan moratorium bayaran balik sehingga enam bulan. Kita mengalu-alukan usaha sebegini, yang sangat diperlukan dari pelbagai pihak swasta dalam membantu meringankan beban Rakyat dan perniagaan, khususnya dalam keadaan semasa. Kita semua perlu berganding bahu dan memainkan peranan masing-masing untuk membantu ekonomi kita berkembang semula.

B. Usaha penambahbaikan inisiatif MOF di dalam Suku Pertama 2021

27. Saya juga ingin berkongsi bahawa #teamMOF kini sedang sibuk memulakan pelaksanaan langkah-langkah Belanjawan 2021. Pihak MOF sendiri akan memantau pelaksanaan 76 inisiatif. Seperti pakej-pakej rangsangan ekonomi tahun lepas, status pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini juga akan dikongsi dengan pihak awam.
28. Seperti yang saya sebutkan berkali-kali sebelum ini, **pihak MOF sentiasa mendengar dan bersedia untuk menambah baik inisiatif, bila mana perlu. Sehubungan itu, dengan pelaksanaan pelbagai jenis PKP di seluruh negara, MOF juga sedang mengkaji** dan membincangkan penambahbaikan yang sesuai kepada langkah-langkah Belanjawan 2021 bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan kelangsungan perniagaan.

C. Amaran Scam

29. Dalam Kerajaan meneruskan bantuan kepada orang awam, saya ingin menasihatkan semua – terutamanya mereka yang layak menerima pelbagai bantuan langsung Kerajaan dan kemudahan, contohnya seperti BPN, GKP, i-Lestari dan i-Sinar – agar **sentiasa berhati-hati dengan individu dan sindiket penipuan yang semakin berani mengambil peluang menipu orang awam yang memerlukan bantuan Kerajaan. Pemohon dan penerima disarankan untuk merujuk kepada sumber-sumber rasmi, dan tidak memberikan maklumat peribadi kepada mana-mana pihak yang tidak dikenali.**
30. Pelbagai agensi Kerajaan, termasuk agensi-agensi MOF juga telah menekankan hal ini melalui pelbagai saluran, termasuk saluran media sosial mereka. Dalam hal ini, **Bank Negara Malaysia telah mewujudkan satu laman media sosial yang memberi banyak maklumat mengenai pelbagai jenis scam.** Laman Facebook ini boleh dilayari melalui pautan <https://www.facebook.com/amaranpenipuan/>.

PENUTUP

31. Sebagai penutup, izinkan saya sekali lagi mengingatkan kita semua, dan diri saya juga, agar terus mengikuti SOP dalam menjalani aktiviti ekonomi dan kehidupan harian, dengan kes yang masih meningkat.
32. Kita perlu memainkan tanggungjawab kita untuk turut membantu memutuskan rantai penularan COVID-19. Ingatlah bagaimana warga Kementerian Kesihatan dan para barisan hadapan masih bertungkus lumus membendung wabak ini demi keselamatan kita. Saya akhiri dengan serangkap pantun:

Jauh berlayar ke tanah Langkat,
Kemudi bahtera di laut Selatan,
Pandemik menular kes meningkat,
Bersama kita putus jangkitan.

33. Sekian, *stay safe*, terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
14 Januari 2021

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Setakat 1 Januari 2021, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM14.77 bilion (berbanding RM14.41 bilion pada minggu sebelumnya) dan melibatkan 4.93 juta penerima (berbanding daripada 4.88 juta pada minggu sebelumnya). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 1 Januari 2021, sebanyak RM479.83 juta telah disalurkan berdasarkan 1,420,509 tuntutan (berbanding RM455.23 juta melibatkan 1,361,424 tuntutan pada minggu sebelumnya) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Diskaun bil elektrik	a. Setakat 1 Januari 2021, sebanyak RM2.16 bilion dalam bentuk diskaun bil elektrik telah disalurkan kepada 8.6 juta pengguna domestik tenaga elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Bhd. b. Diskaun bil elektrik ini adalah lanjutan daripada Bantuan PRIHATIN Elektrik yang diperkenalkan semasa Pakej PRIHATIN. Diskaun yang diberikan adalah pada kadar antara 2 peratus ke 50 peratus berdasarkan kadar penggunaan, dan inisiatif ini disediakan sehingga 31 Disember 2020.

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																												
4.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 1 Januari 2021, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.54 bilion yang akan memberi manfaat kepada 24,519 PKS. Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 Januari 2021</td><td>11.54</td><td>24,519</td></tr> <tr> <td>25 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>18 Disember</td><td>11.29</td><td>24,012</td></tr> <tr> <td>11 Disember</td><td>11.24</td><td>23,875</td></tr> <tr> <td>4 Disember</td><td>11.17</td><td>23,759</td></tr> <tr> <td>27 November</td><td>11.13</td><td>23,711</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	1 Januari 2021	11.54	24,519	25 Disember	11.29	24,012	18 Disember	11.29	24,012	11 Disember	11.24	23,875	4 Disember	11.17	23,759	27 November	11.13	23,711	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																										
1 Januari 2021	11.54	24,519																																										
25 Disember	11.29	24,012																																										
18 Disember	11.29	24,012																																										
11 Disember	11.24	23,875																																										
4 Disember	11.17	23,759																																										
27 November	11.13	23,711																																										
30 Oktober	10.87	23,305																																										
25 September	10.67	22,984																																										
28 Ogos	10.3	22,440																																										
Julai	9.6	21,410																																										
Jun	8.4	19,539																																										
Mei	6.9	16,833																																										
April	1.5	3,636																																										